



RUNCIT DAN F&B

KEDAI MUZIUM

9.30 pagi – 5.30 petang (Selasa hingga Jumaat)
Tutup pada setiap hari Isnin kecuali Cuti Umum

Bawa pulang penerbitan dan barang rekaan khas yang dilihamkan oleh koleksi Kapel dan Muzium Changi. Setiap pembelian di kedai kami membantu menyokong muzium dan pameran-pamerannya.



The Bark Café

Dibuka setiap hari dari 11.30 pagi hingga 12 malam

Ditubuhkan pada tahun 2002, The Bark Café telah mendapat ramai pelanggan setia selama bertahun-tahun dengan menawarkan hidangan Barat dan Asia yang lazat dengan harga yang berpatutan, layanan yang mesra dan suasana yang selesa. Suasana santai dan mesra menjadikannya popular dalam kalangan keluarga dan kumpulan pekerja muda dan pengunjung ke Kapel dan Muzium Changi juga menghargainya sebagai tempat untuk merenung dan menyegarkan diri setelah melihat pameran dan kisah-kisah zaman perang di Singapura.



Sokong Kami

Sokong Kapel dan Muzium Changi (CCM) agar kisah tahanan perang dan orang awam yang ditahan di kem penjara Changi semasa zaman Pendudukan Jepun terus dikenang. Sumbangan anda membolehkan kami menyimpan dan menyampaikan kisah-kisah ini untuk memberi inspirasi kepada generasi akan datang untuk terus berdaya tahan walaupun pada masa yang paling mencabar.




Buat sumbangan anda melalui giving.sg dengan mengimbas kod QR diatas atau sumbang terus dengan menggunakan aplikasi perbankan mudah alih anda dengan mengimbas kod QR di bahagian bawah.

Langkah 1: Log masuk ke aplikasi perbankan mudah alih anda.

Langkah 2: Imbas kod QR PayNow menggunakan aplikasi perbankan mudah alih anda.

Langkah 3: Masukkan jumlah yang anda mahukan. Masukkan CCM di bawah rujukan dan sahkan pemindahan.



Waktu Operasi

9.30 pagi hingga 5.30 petang (Selasa hingga Ahad)
Tutup pada setiap hari Isnin kecuali Cuti Umum
Kemasukan terakhir pada 5 petang

Lawatan berpandu

Lawatan berpandu percuma disediakan mengikut prinsip datang dahulu, didahulukan sehingga maksimum 15 orang, tertakluk kepada ketersediaan pemandu pelancong. Sila lungsi laman web kami untuk maklumat lanjut.

Hubungi

Changi_Museum@nhb.gov.sg

Kami juga Dalam Talian!

- www.changichapelrmuseum.gov.sg
- [changichapelrmuseum](https://www.facebook.com/changichapelrmuseum)
- [changichapelrmuseum](https://www.instagram.com/changichapelrmuseum)

Diuruskan oleh

National
Heritage
Board
National
Museum
of Singapore

NCCY
Ministry of Culture, Community and Youth

Disokong oleh



Kubu Changi

Kapel dan Muzium Changi

Kapel dan Muzium Changi menceritakan kisah-kisah tahanan perang dan orang awam yang ditahan di kem penjara Changi semasa Pendudukan Jepun. Diuruskan oleh Muzium Negara Singapura, Muzium Changi diubah suai dan dibuka semula pada bulan Mei 2021. Muzium yang diubah suai menampilkan kandungan dan artifak-artifak baru, termasuk kisah-kisah dan objek-objek peribadi yang dikumpul dari keluarga bekas tahanan, dipersembahkan dalam format yang intim dan menarik. Naratif muzium ini mengetahahkan peringatan dan renungan, mendorong pengunjung untuk renungkan penderitaan yang dilalui para tahanan, serta keberanian dan ketabahan mereka dalam menghadapi kesulitan.

Mari alami Kapel dan Muzium Changi dan jadikan warisannya sebagai inspirasi.

Program Awam


Pada bulan Februari dan September, nikmati pelbagai program istimewa termasuk lawatan dan perbincangan kurator, diadakan sempena memperingati peristiwa penting yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua di Singapura.

Lawatan Sekolah

Lawat dan teroka Kapel dan Muzium Changi bersama murid-murid anda!

Melalui kisah dan barang peribadi bekas tahanan, para murid dapat mengetahui lebih lanjut mengenai pengalaman tahanan perang dan orang awam yang ditahan di kem penjara Changi semasa pendudukan Jepun, kesukaran yang mereka alami, serta kisah keberanian dan ketabahan semasa masa-masa sukar itu.

Untuk membuat tempahan, hantarkan e-mel kepada NHB_CCMBC_Programmes@nhb.gov.sg dengan maklumat mengenai lawatan yang anda inginkan. Sumber pendidikan tersedia untuk membantu memandu lawatan anda.



Katalog Pameran

Katalog pameran Kapel dan Muzium Changi dimaksudkan sebagai panduan naratif untuk lapan seksyen dalam galeri. Menampilkan esei dan pemahaman penting dari kurator pameran, kisah peribadi dan artifak utama dari setiap zon, ia memberikan gambaran mendalam mengenai pengalaman tahanan perang dan tahanan awam di kem penjara Changi semasa pendudukan tentera Jepun di Singapura.



Kreativiti dalam Kesukaran



Pembebasan



Warisan



- 1 Kubu Changi
- 2 Kubu Jatuh
- 3 Tahanan Perang
- 4 Kehidupan sebagai Tahanan Perang

- 5 Ketahanan dalam Kesukaran
- 6 Kreativiti dalam Kesukaran
- 7 Pembebasan
- 8 Warisan

Pengenalan

Pada tahun 1942, puluhan ribu tahanan perang (POW) dan orang awam ditahan di kem penjara Changi semasa pendudukan Jepun. Mereka dipenjar selama tiga setengah tahun, dan sering bergantung pada kepintaran dan kekuatan semangat mereka untuk bertahan hidup. Pameran ini merangkumi lapan seksyen utama yang menyelidiki kehidupan sehari-hari para tahanan, respons mereka terhadap cabaran yang mereka hadapi, dan akhirnya pembebasan mereka.



Kapel Changi

Direka dengan gaya Gereja St George, kapel ini adalah salah sebuah dari banyak gereja yang dibina oleh tahanan perang di Changi semasa penahanan mereka. Ia dimulakan oleh Reverend Eric Cordingly, yang memimpinnya sepanjang perang. Versi kedua gereja dibangunkan di Kanchanaburi semasa POW dihantar untuk bekerja di Landasan Kereta Api Thai-Burma, dan dua versi lagi dibina di Gaol Changi oleh POW yang pulang. Dalam semua latarannya, gereja terus memberikan harapan dan keselesaan kepada para lelaki yang menghadiri servis.

1 Kubu Changi

Seksyen ini memperkenalkan sejarah Changi, yang pada abad ke-19 sebahagian besar diliputi oleh paya bakau dan hutan hujan. Pada tahun 1920-an, suasana tenang ini mula berubah semasa British mula membina pusat meriam dan berek untuk melindungi Singapura dari serangan.

2 Kubu Jatuh

Kurang dari tiga bulan selepas pencerobohan Jepun di Malaya pada bulan Disember 1941, Singapura menyerah. Seksyen ini merangkumi kejatuhan Singapura dan juga nasib yang dihadapi oleh tentera dan orang awam selepasnya.

3 Tahanan Perang

Kira-kira 48,000 tentera dan orang awam dibawa ke Changi, yang diubah menjadi kem penjara yang luas. Ketahui lebih lanjut mengenai kisah para lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang ditahan di Changi dalam seksyen ini.

4 Kehidupan sebagai Tahanan Perang

Pada seksyen ini, masuki replika sel penjara Changi yang tepat dan dengarkan perbualan mengenai kehidupan sehari-hari mereka yang dipenjarakan di Changi.

5 Ketahanan dalam Kesukaran

Para tahanan membuat yang terbaik dari keadaan sukar mereka, menggunakan banyak sumber dan kepintaran mereka untuk mengatasi cabaran. Seksyen ini memberikan gambaran mengenai kedua-dua penderitaan yang dihadapi dan juga cara mereka menangani keadaan mereka.

6 Kreativiti dalam Kesukaran

Ekspresi kreatif sangat penting bagi para tahanan, yang menemui cara untuk menulis, melukis, membaca, melakukan kraf, bersukan, dan juga mengadakan konsert dan wayang. Ketahui bagaimana mereka mengekalkan semangat mereka di seksyen ini.

7 Pembebasan

Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945, mengakhiri tiga setengah tahun Pendudukan Jepun di Singapura. Seksyen ini mengabadikan perasaan para tahanan mengenai pembebasan mereka dan juga apa yang berlaku sejurus selepas perang.

8 Warisan

Warisan kem Changi terus kekal sehingga hari ini. Pada seksyen akhir ini, cari nama dan kisah tahanan, dan lihat beberapa artifak yang dihasilkan untuk mengingati bagaimana mereka dapat bertahan dalam tahanan tersebut.

Chatbot untuk Lebih Banyak Lagi



Nikmati lawatan audio eksklusif, kapsyen pameran dalam berbagai bahasa dan lebih banyak lagi dari telefon anda dengan chatbot Kapel dan Muzium Changi kami! Dengarkan kisah seorang askar yang ditahan di Changi dan biarkan pengalamannya membimbing anda melalui galeri. Lihat cadangan untuk tapak yang berkaitan dengan Perang Dunia Kedua yang boleh anda terokai secara semuka atau maya. Hanya imbas kod QR di kiri dan berbual!

Maklumat Am

Kesejahteraan para pelawat dan kakitangan kami adalah keutamaan kami. Bagi memberikan pengalaman yang menyenangkan untuk semua dan untuk melindungi koleksi negara kami, sila patuhi perkara-perkara berikut:

- | | | | | | |
|--------------------------------------|---|-----------------------------|-------------------------------|---------------------------------|---|
| | | | | | |
| Makanan dan minuman tidak dibenarkan | Pengambilan gambar menggunakan 'flash' tidak dibenarkan | Videografi tidak dibenarkan | Jangan sentuh artifak-artifak | Barangan besar tidak dibenarkan | Sila bercakap dengan nadanya yang sederhana |
| Sila awasi kanak-kanak | | | | | |

Kapel dan Muzium Changi komited untuk memastikan pengalaman muzium yang boleh diakses dan dinikmati semua. Hubungi pegawai perkhidmatan pelawat kami untuk ketahui lebih lanjut mengenai **kemudahan dan khidmat mesra-akses kami***!

* Semua galeri dan kemudahan boleh diakses dengan kerusi roda dan kereta sorong. Kerusi roda manual terhad juga boleh didapati di kaunter Perkhidmatan Pelawat. Kapsyen pameran tersedia dalam fon besar dalam bahasa Inggeris, Cina, Melayu, Tamil dan Jepun di platform interaktif mudah alih kami juga.

Semua maklumat adalah tepat pada masa percetakan. Hak cipta terpelihara. Bahan-bahan dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula secara sebahagian atau keseluruhan tanpa kebenaran bertulis daripada penerbitnya, Kapel dan Muzium Changi. © Hak Cipta 2023.